



SEBANYAK 434 basikal elektrik dirampas selepas pengimport disyaki melakukan pengikraran palsu. - Gambar NSTP/FAZLI AHMAD

434 basikal elektrik dirampas

Temerloh: Sebanyak 434 basikal elektrik bernilai lebih RM400,000 termasuk nilai duti dan cukai dirampas selepas didapati pengimport barangan itu disyaki melakukan pengikraran palsu.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang, Mohd Asri Seman berkata, rampasan dilakukan jam 10.50 pagi di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, Selangor, 9 Oktober lalu.

Menurutnya, tindakan itu dilakukan selepas pemeriksaan mendapati

ti syarikat pengimport mengikrarkan barangan itu sebagai basikal biasa, basikal lumba dan basikal kanak-kanak.

Katanya, harga basikal elektrik itu dianggarkan RM272,200 dan nilai duti serta cukai mencecah RM127,891.

"Kontena itu tidak diikrarkan berisik basikal elektrik kerana barang itu dilarang import.

"Basikal elektrik hanya boleh diimport jika mempunyai permit import daripada KEMEN.

terian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)," katanya, semalam.

Mohd Asri berkata, pihaknya sudah mengenal pasti sebuah syarikat di Lembah Klang disyaki mengimport dan melakukan pengikraran palsu itu.

Menurutnya, siasatan sedang dilakukan termasuk mengetahui jumlah sebenar basikal elektrik sudah diimport dan diseludup menerusi modus operandi pengikraran palsu seumpamanya itu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 dan sabit kesalahan boleh dipenjarakan hingga lima tahun dan denda.

Syarikat disyaki mengimport dan melakukan pengikraran palsu